Jamalludin Harun et al. (2001) mengaitkan paparan antara muka multimedia dengan prinsip fleksibiliti. Ia merujuk kepada keupayaan pengguna untuk menyesuaikan diri sewaktu berinteraksi dengan sistem. Konsep sikap juga dikatakan berkait dengan prinsip antara muka multimedia. Setakat mana sesuatu sistem multimedia itu berjaya menambat hati pengguna ada hubungan secara langsung dengan aspek mudah guna dan mudah pelajari sesuatu paparan multimedia. Sesuatu perisian dikatakan melepasi ujian penerimaan sekiranya ia mempunyai paparan yang membantu dan menarik.

Shneiderman (1998) mengaitkan interaksi dengan elemen multimedia. Maklumat di dalam gambar dan gambar yang disertai suara dikatakan lebih mudah diingati berbanding teks. Ilustrasi statik akan membantu pemerolehan pengetahuan sekiranya dipersembahkan bersama-sama teks. Beliau juga mengatakan bahawa kesan perhatian ke atas pemboleh ubah visual seperti saiz, lokasi, stail dan warna serta tahap realiti sesuatu gambar akan menentukan keberkesanan proses pembelajaran..

Dalam konteks teori kognitif, Shneiderman (19 bahawa had masa maksimum tindak balas sesuatu perisian dengan manusia ialah sepuluh saat. Daya tumpuan pengguna akan merosot jika melebihi had kesanggupan menunggu manusia ini. Mayer (2001) pula mengemukakan Prinsip Penghasilan Multimedia dengan memperkenalkan prinsip keupayaan dwisaluran (*dual channel principles*). Prinsip ini melibatkan peranan dua deria

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

komunikasi manusia iaitu naratif kepada telinga dan animasi kepada mata. Menurut beliau, gangguan dalam persembahan multimedia dapat di klasifikasikan kepada tiga jenis iaitu gangguan perkataan dengan gambar, gangguan bunyi dengan muzik dan gangguan perkaitan di antara objek-objek. Di samping itu beliau memperkenalkan juga prinsip modaliti (*modality principles*) yang dikaitkan dengan rangsangan animasi dan naratif berbanding animasi berteks, manakala prinsip perulangan (*redundancy principles*) dikatakan berkaitan dengan kesan animasi benaratif serta teks.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:-

1.5.1 membangunkan sebuah perisian yang dinamakan *Perisian Multimedia Info GERKO* yang mengandungi maklumat aktiviti GERKO unit beruniform Pasukan Puteri Islam Malaysia (PPIM), Pasukan Pandu Puteri Malaysia (PPIM), Pertubuhan Pengakap Malaysia (PGKP), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), dan Pasukan St. John Ambulans Malaysia (SJAM) di Institut Perguruan Malaysia.

1.5.2 menguji kepuasan pengguna terhadap *Perisian Multimedia Info GERKO* dari aspek isi kandungan, ciri-ciri mudah guna, ciri-ciri multimedia, dan ciri-ciri paparan maklumat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.5.3 Membandingkan kaedah menyampaikan maklumat GERKO unit beruniform di Institut Perguruan Malaysia. menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* dengan penggunaan kaedah Tradisional (Taklimat).

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan masalah-masalah yang dinyatakan, maka penyelidik menggariskan empat (4) persoalan kajian seperti berikut:

1.6.1 Apakah penilaian guru pelatih terhadap dimensi isi kandungan, ciri-ciri mudah guna, ciri-ciri multimedia dan ciri-ciri paparan maklumat kokurikulum unit beruniform yang disediakan dalam *Perisian Multimedia Info GERKO* ?

1.6.2 Apakah penilaian guru pelatih terhadap dimensi isi kandungan, ciri-ciri mudah guna, ciri-ciri multimedia dan ciri-ciri paparan maklumat kokurikulum unit beruniform yang disediakan di dalam *Perisian Multimedia Info GERKO* berdasarkan jenis unit beruniform yang dianggotai?

1.6.3 Adakah kaedah penyampaian maklumat kokurikulum unit beruniform kepada guru pelatih dengan menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* lebih berkesan berbanding penyampaian melalui kaedah taklimat (tradisional)?

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.6.4 Adakah kaedah penyampaian maklumat kokurikulum unit beruniform kepada guru pelatih dengan menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* lebih berkesan berbanding penyampaian melalui kaedah taklimat (tradisional) mengikut jenis unit beruniform yang dianggotai?

1.7 Hipotesis

Persoalan pertama dan persoalan kedua diselesaikan melalui statistik deskriptif. Bagi persoalan ketiga dan persoalan keempat, hipotesis kajian dibina dan setiap satunya akan diputuskan dengan menguji hipotesis nulnya.

1.7.1 Hipotesis Kajian 1

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min penilaian terhadap penerangan maklumat kokurikulum unit beruniform menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* berbanding penerangan yang disampaikan melalui Taklimat (Tradisional) di kalangan guru pelatih.

Hipotesis Statistik 1

$$\mathbf{Ho_1 : \mu_1 - \mu_2 = 0}$$

$$\mathbf{Ha_1 : \mu_1 - \mu_2 \neq 0}$$

di mana
μ_1 = min taklimat
μ_2 = min *Perisian Multimedia Info GERKO*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.7.2 (a) **Hipotesis Kajian 2**

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min penilaian terhadap kaedah penerangan maklumat kokurikulum PPIM menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* berbanding penerangan yang disampaikan melalui kaedah Taklimat (Tradisional).

Hipotesis Statistik 2

$$Ho_2 : \mu_1 - \mu_2 = 0$$

$$Ha_2 : \mu_1 - \mu_2 \neq 0$$

di mana
μ_1 = min taklimat
μ_2 = min *Perisian Multimedia Info GERKO*

1.7.2(b) **Hipotesis Kajian 3**

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min penilaian terhadap kaedah penerangan maklumat kokurikulum PPPM menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* berbanding penerangan yang disampaikan melalui kaedah Taklimat (Tradisional).

Hipotesis Statistik 3

$$Ho_3 : \mu_1 - \mu_2 = 0$$

$$Ha_3 : \mu_1 - \mu_2 \neq 0$$

di mana
μ_1 = min taklimat
μ_2 = min *Perisian Multimedia Info GERKO*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.7.2(c) **Hipotesis Statistik 4**

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min penilaian terhadap kaedah penerangan maklumat kokurikulum PGKP menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* berbanding penerangan yang disampaikan melalui kaedah Taklimat (Tradisional).

Hipotesis Statistik 4

$$\mathbf{Ho_4 : \mu_1 - \mu_2 = 0}$$

$$\mathbf{Ha_4 : \mu_1 - \mu_2 \neq 0}$$

di mana
μ_1 = min taklimat
μ_2 = min *Perisian Multimedia Info GERKO*

1.7.2 (d) **Hipotesis Kajian 5**

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min penilaian terhadap kaedah penerangan maklumat kokurikulum PBSM menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* berbanding penerangan yang disampaikan melalui kaedah Taklimat (Tradisional).

Hipotesis Statistik 5

$$\mathbf{Ho_5 : \mu_1 - \mu_2 = 0}$$

$$\mathbf{Ha_5 : \mu_1 - \mu_2 \neq 0}$$

di mana
μ_1 = min taklimat
μ_2 = min *Perisian Multimedia Info GERKO*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.7.2(e) **Hipotesis Kajian 6**

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min penilaian terhadap kaedah penerangan maklumat kokurikulum SJAM menggunakan *Perisian Multimedia Info GERKO* berbanding penerangan yang disampaikan melalui kaedah Taklimat (Tradisional).

Hipotesis Statistik 6

$$Ho_6 : \mu_1 - \mu_2 = 0$$

$$Ha_6 : \mu_1 - \mu_2 \neq 0$$

di mana
μ_1 = min taklimat
μ_2 = min *Perisian Multimedia Info GERKO*

1.8 Batasan kajian

Pengguna yang menjadi sasaran kajian ini ialah guru-guru pelatih tahun akhir di tiga buah institut/maktab perguruan di utara semenanjung Malaysia. Di antara institut/maktab perguruan yang dipilih ialah:-

1.8.1 Institut/Maktab Perguruan Ipoh Perak, Hulu Kinta, Perak Darul Ridzuan (MPIP),

1.8.2 Institut/Maktab Perguruan Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang (MPTB),

1.8.3 Institut/Maktab Perguruan Perlis, Kangar, Perlis Indera Kayangan (MPP).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Adalah dijangkakan minat dan prestasi mereka dalam kegiatan kokurikulum telah mantap. Mereka telahpun sedia diagihkan ke dalam unit-unit kokurikulum tertentu. Tujuan pemilihan golongan ini sebagai sampel ialah untuk menilai sejauh manakah maklumat yang telah diberikan oleh pihak institut/maktab perguruan sewaktu mereka membuat pemilihan di tahun pertama itu benar-benar membantu mereka membuat pemilihan unit beruniform. Juga kajian ini hendak mengesan adakah pemilihan unit beruniform yang mereka pilih itu selaras dengan ekspektasi mereka.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada objektif dan reka bentuk kajian serta kaedah persampelan purposif (*purposive sampling*), penemuan kajian ini boleh diterapkan kepada kawasan lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa. Dengan kata lain, pada had-had tertentu, kajian ini boleh melewati kawasan kajian dari segi aplikasinya.

1.9 Kepentingan Kajian

Untuk mempastikan proses pendaftaran aktiviti kokurikulum dapat dilakukan dengan berkesan, kaedah mengagihkan nama berdasarkan minat seseorang guru pelatih perlu dikenal pasti. Disebabkan adanya peningkatan bilangan guru pelatih dari setahun ke setahun dan perubahan dasar kementerian pelajaran berkaitan aktiviti kokurikulum (khasnya, Bahagian Pendidikan Guru), maka adalah dirasakan bahawa penentuan minat guru pelatih terhadap pilihan aktiviti menjadi semakin penting.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kegagalan menempatkan guru pelatih ke dalam aktiviti kokurikulum berdasarkan minat masing-masing bukan sahaja akan menggagalkan pencapaian dalam aktiviti kokurikulum guru pelatih ketika berada di institut/ maktab perguruan, malah ia akan turut memberikan impak terhadap iklim aktiviti gerko di sekolah-sekolah nanti.

Dipercayai juga kelunturan minat ini akan menjanjikan kegagalan yang berlanjutan sepanjang profesyen perguruan mereka nanti. Seterusnya, usaha kerajaan untuk menyediakan masyarakat yang aktif dan progresif dalam aktiviti sosial sebagaimana yang termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Negara akan gagal.

Oleh itu, dengan adanya kajian ini adalah diharapkan dapat membantu menyelesaikan tugas setiausaha kokurikulum membekalkan maklumat yang lengkap lagi kemaskini dengan menggunakan teknologi *ICT*. Semoga ia dapat membantu guru-guru pelatih sebelum membuat pemilihan aktiviti kokurikulum pada peringkat awal profesyen lagi. *Perisian Multimedia Info GERKO* ini diharapkan akan dapat memenuhi ciri-ciri kesesuaian pengguna atau interaksi manusia komputer (IMK) atau *HCI (Human Computer Interaction)*.

1.10 Definisi Operasional

Terdapat banyak istilah, akronim dan singkatan berkaiatan bidang teknologi maklumat dan pengkomputeran digunakan dalam kajian ini. Selain yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

tercatat secara terus dalam penulisan, terdapat beberapa istilah yang khusus digunakan dalam konteks kajian ini. Di antaranya ialah:-

1.10.1 **Antara muka pengguna**.

Ia merujuk kepada perkakasan dan/atau perisian sistem yar membenarkan seseorang berkomunikasi dengannya. Ia meliputi cara bagaimana komputer berkomunikasi dengan pengguna Istilah bahasa Inggerisnya ialah "*user interface" atau " human-computer interface*".

1.10.2 **Gerak kerja kokurikulum (GERKO).**

Gerak kerja kokurikulum ialah kegiatan pendidikan yang dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah. Ia bertujuan untuk pengukuhan dan pengayaan pembelajaran, saling lengkap melengkapi pembelajaran di bilik darjah bagi menyuburkan nilai-nilai murni, mengembangkan bakat kepimpinan dan sedia berkhidmat di kalangan masyarakat. Gerak kerja kokurikulum terdiri daripada gerak kerja pasukan pakaian seragam, persatuan/kelab dan sukan. Dalam konteks kajian ini, gerak kerja kokurikulum yang dimaksudkan ialah aktiviti kokurikulum unit beruniform PPIM, PPPM, PGKP, PBSM dan SJAM.

1.10.3 **Kaedah Taklimat (Tradisional).**

Kaedah penerangan tentang aktiviti kokurikulum menggunakan cara taklimat lisan. Biasanya ia disampaikan di dalam dewan dalam salah satu slot

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

acara di Minggu Suaikenal/ Minggu Pengurusan Pelajar Guru Pelatih Baru Institut/Maktab Perguruan. Dalam konteks kaedah mengajar, teknik ini dipanggil kaedah kuliah (mendengar-bertutur) di mana pelajar boleh mengambil nota dan boleh juga mengambil bahagian dengan mengemukakan soalan di akhir sesi kuliah berkenaan. Masalah utama adalah memastikan pelajar berkeupayaan mengambil nota secara berkesan.

1.10.4 **Dimensi Isi Kandungan.**

Aspek tentang maklumat atau fakta yang berkaitan dengan kelima-lima unit beruniform seperti ketepatan isi kandungan, maklumat yang kemaskini, bahasa yang mudah difahami, padat dan meyakinkan, pelbagai dan menarik, cukup jelas dan tepat dan kandunagn memenuhi keperluan.

1.10.5 **Dimensi Ciri-ciri Mudah Guna.**

Aspek tentang sejauh mana komponen navigasi yang disediakan di dalam perisian itu membantu pengguna meneroka maklumat isi kandungan perisian yang dibangunkan. Pengguna (responden) diminta membuat penilaian tentang komponen arahan, dokumentasi, kebebasan meneroka, kepelbagaian warna, fon, ikon, butang, teknik paparan dan tindak balas sistem yang disediakan di dalam perisian tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.10.6 **Dimensi Ciri-ciri Multimedia.**

Pengguna (responden) diminta menilai aspek komponen multimedia seperti audio, video, animasi, saiz dan jenis teks, grafik dan kombinasi antara komponen-komponen tersebut.

1.10.7 **Dimensi Ciri-ciri Paparan Maklumat.**

Responden (pengguna) diminta membuat penilaian terhadap aspek umu berkaitan kualiti persembahan, teknik paparan, susunan teks dan grafik, reka bentuk skrin paparan dan sistem pelabelan di dalam perisian yang dibangunkan.

1.10.8 ***Perisian Multimedia Info GERKO.***

Perisian yang dibangunkan oleh penyelidik untuk tujuan kajian ini. I merupakan sebuah perisian yang mengandungi maklumat kokurikulum unit beruniform PPIM, PPIM, PGKP, PBSM dan SJAM. Ia dibangunkan dengan menggunakan perisian pengarangan *DreamWeaver 4.0* dan beroperasi dalam persekitaran sistem operasi *Windows 98*.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.11 Kesimpulan.

Bab ini dimulai dengan penerangan tentang senario pendidikan di negara ini dalam usaha menghadapi ledakan teknologi maklumat di peringkat global. Dikaitkan juga masalah khusus dalam menyediakan modal insan yang menyeluruh serta ampuh guna menghadapi dunia milenium yang akan datang. Dikaitkan juga dengan cabaran yang sedang dihadapi oleh para pendidik dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah. Di sinilah *ICT* menjanjikan penyelesaian. Setelah itu diulas pula beberapa perisian komputer yang telah sedikit sebanyak membantu menangani beberapa masalah pengurusan dalam bidang pendidikan. Dijelaskan juga keperluan kepada pembangunan sebuah lagi perisian yang dijangka dapat membantu proses penyebaran maklumat komponen gerak kerja kokurikulum unit beruniform secara lebih komprehensif di peringkat maktab/institut perguruan. Bertolak dari situ maka seterusnya dihuraikan secara ringkas tentang beberapa fakta asas serta rasional keperluan kepada kajian ini dari aspek kerangka konseptual, objektif, hipotesis, dan batasan kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini meninjau lebih lanjut kajian literatur dan beberapa hasil kajian yang berkaitan dengan konsep multimedia, beberapa teori paparan antara muka perisian, interaksi manusia-komputer, kajian kepuasan pengguna terhadap penggunaan perisian komputer dan kerangka konsepsual kajian.

Memandangkan perisian yang dijadikan kajian ini melibatka pembangunan prototaip perisian multimedia, maka, aspek pembangunan perisian prototaip multimedia dihuraikan dengan lebih terperinci. Seterusnya, akan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

dihuraikan juga beberapa penemuan tentang alat uji kepuasan pengguna terhadap perisian komputer. Bab ini diakhiri dengan membincangkan beberapa perisian yang telah dibangunkan khusus untuk membantu urusan pentadbiran pendidikan di negara ini.

2.2 Tinjauan Umum

Penggunaan teknologi komputer berkait rapat dengan urusan pengumpulan, pemerolehan dan pengagihan data yang mengandungi maklumat grafik seperti imej, gambar foto dan apa saja yang dapat dipaparkan dalam bentuk 2D. Dunia kini penuh dengan limpahan maklumat. Seperkara yang menjadikan komputer berupaya menerajui media ialah sifatnya yang berupaya untuk dikemas kini dari semasa ke semasa. Oleh itu pengguna dapat mencapai maklumat terkini dari pangkalan data elektronik secara berterusan.

.

Akibatnya, sukar bagi kita untuk menapis yang mana satu data dan yai mana satu maklumat. Maklumat mana yang relevan dan data mana satu yang dapat dipertanggungjawabkan. Tiada siapa yang mampu menyeimbangkan antara data dengan maklumat. Akses kepada maklumat sebenarnya merupakan limpahan idea yang menjadikan minda (khasnya golongan remaja) terganggu dengan data yang tidak ditapis, fakta yang tidak saling berkaitan, hilang di dalam percikan data yang rapuh. Limpahan data yang sebegini mengelirukan fikiran golongan muda terutamanya para pelajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kesimpulannya, maklumat perlu dipersembahkan dengan betul sekiranya ia hendak disampaikan secara berkesan. Terlalu banyak maklumat yang disogokkan akan mengelirukan pengguna. Sebaliknya, jika terlalu sedikit maklumat diberikan akan menyukarkan pula pengguna untuk membuat keputusan dengan tepat. Jadi, proses mengakses, mengumpul, menyaring serta menyampaikan maklmumat adalah sama pentingnya kepada pengguna. Pendidik perlu berhati-hati dan komited pada setiap langkah pengumpulan, pemprosesan dan penyampaian maklumat kepada audien masing-masing.

2.3 Multimedia

Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2000) mendefinisikan multimedia sebagai:

> *satu proses komunikasi interaktif berasaskan komputer yang merangkumi penggunaan media audio visual seperti teks, grafik, audio, video dan animasi* (hal. 4).

Multimedia merujuk kepada suatu persembahan informasi menggunakan gabungan teks, grafik, audio, animasi dan video serta mempunyai interaktiviti antara pengguna dan juga komputer. Multimedia juga merupakan suatu sistem yang membolehkan capaian informasi dilakukan secara tidak linear (*non linear navigation*).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Mayer (2001) pula mendefinisikan multimedia sebagai persembahan bahan menggunakan dua unsur utama sahaja iaitu elemen perkataan dan gambar. Menurut beliau lagi, multimedia dijelaskan sebagai integrasi saluran pengalaman komunikasi secara bersilang.

2.4 Prinsip penghasilan bahan Multimedia

Terdapat banyak panduan dalam mereka bentuk paparan antara muka perisian multimedia. Di antara yang berkaitan secara langsung dengan pembentukan perisian multimedia interaktif ialah seperti yang dicadangkan oleh Nielsen (2000) yang berikut ini:-

2.4.1 Permudahkan Paparan Membantu Pengguna

Nielsen (2000), mencadangkan agar menyediakan antara lima hin sembilan pilihan sahaja pada satu-satu masa. Jangan menunjuk-nunjuk apa yang anda boleh buat dengan teknologi. Sebaliknya beri pengguna apa saja yang perlu untuk pengguna melaksanakan tugasnya.

2.4.2 Konsisten

Gunakan objek yang sama untuk melaksanakan fungsi y sepanjang produk. Dengan cara ini, proses pemindahan pembelajaran akan lebih mudah berlaku. Pengguna akan dapat memahami produk tersebut dengan cepat dan berupaya membina keyakinan untuk terus menggunakannya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.4.3 Kawalan interaksi oleh pengguna

Menurut Nielsen (2000), biarkan pengguna dan bukan perisian unt menentukan tindakan seterusnya. Biarkan pengguna membuat keputusan ke mana hendak diterokai, apa yang hendak dilihat, dan bila hendak berhenti.

2.4.4 Beri maklum balas segera.

Biarkan pengguna tahu yang komputer sedang bek pengguna bahawa komputer telah menerima dan sedang bertindak balas terhadap arahan yang pengguna berikan tadi.

2.4.5 Penggunaan metafora

Gunakan objek-objek seharian yang serupa untuk aksi-aksi dalam perisian. Contohnya, sediakan ikon gambar laci untuk proses menyimpan data, ikon folder gambar kulit fail untuk proses menyimpan fail dan seumpamanya. Ini akan memudahkan proses belajar dan pengguna akan lebih selesa.

2.4.6 Keselamatan Penggunaan

Pengguna harus boleh bergerak bebas sepanjang produk tanpa t membuat kesilapan atau terpadam sesuatu. Lebih baik jika tidak disediakan fungsi memadam. Jika pengguna perlu meminda sesuatu data atau maklumat,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

sediakan reka bentuk paparan pilihan untuk pengguna mengesahkan batal atau meneruskan operasi pindaan tersebut. Biarkan pengguna membatalkan aksi yang sukar dengan kemudahan mengundurkan proses. Biarkan pengguna undur ke skrin sebelumnya daripada skrin yang terpapar. Sediakan panduan kepada pengguna untuk tindakan seterusnya. Ciri-ciri reka bentuk begini membantu pengguna untuk berasa selesa di samping mampu mengekalkan minat mereka untuk terus menggunakan perisian tersebut.

2.4.7 Medium Visual

Medium penglihatan sangat membantu pengguna untuk berkomunika dengan maklumat yang terperinci. Paparan visual memainkan peranan utama dalam menentukan respons pengguna terhadap sesuatu perisian itu. Seterusnya, Nielsen (2000) memberi panduan berikut dari perspektif visual atau daya penglihatan pengguna:

2.4.7.1 Penggunaan Warna.

Adalah menjadi amalan yang baik untuk menggunakan warı cerah kecuali untuk video dan teks hitam putih. Pemilihan warna akan membantu pengguna untuk menumpukan perhatian kepada objek-objek dengan lebih baik lagi. Kekalkan warna asal dalam klip video. Gunakan teks dengan latar belakang dan latar depan yang "*high-contrast*".

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.4.7.2 Penggunaan Fon

Gunakan fon yang ada serif. Serif ialah garis halus di hujung *strokes* antara huruf dan kelihatan di atas atau di bawah huruf.

2.5 Paparan Antara Muka Multimedia

Paparan antara muka perisian multimedia menggabungkan beberapa jenis media untuk membantu manusia menggunakan komputer. Media-media ini termasuklah teks, grafik, animasi, imej, suara, muzik, dan sentuhan. Paparan antara muka multimedia menjadi popular kerana ia sangat berkesan mengekalkan minat pengguna, meningkatkan daya pengekalan maklumat pengguna, dan sangat kos efektif (Shneiderman, 1998).

Kajian di *Bethlehem Steel* mendapati kursus latihan multimedia terbukti dapat menjimatkan masa latihan hingga 20 % ke 40 % dan meningkatkan kadar pengekalan minat antara 20 % ke 40 %. Ini membolehkan majikan menjalankan latihan pekerja pada masa yang lebih selesa. Menurut Shneiderman (1998) lagi, semakin interaktif sesuatu perisian multimedia itu, semakin banyak pelajar akan belajar. Para pereka bentuk perisian multimedia seharusnya memberi penekanan terhadap pengguna. kejayaan sesuatu produk multimedia itu mestilah memberi penekanan kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan interaksi dengan pengguna. Menurut beliau lagi, pereka bentuk perisian multimedia seharusnya lebih dahulu mengenal pasti deria mana pengguna yang paling

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

berkesan untuk menerima bentuk maklumat tertentu dan gunakan media yang melibatkan sistem deria manusia.

Seterusnya beliau menjelaskan apa yang dimaksudkan menggunakan deria pengguna. Bagi beliau, produk yang memberikan penekanan kepada pengguna ini lebih wajar dipanggil *multisensory* atau pelbagai deria daripada dinamakan multimedia. Dengan kata lain, seseorang pengguna itu akan melihat dan mendengar video serta kemudian menyentuh butang grafik untuk memberhentikan imej video. Dalam konteks ini, deria lihat, dengar dan sentuh digunakan sekaligus. Akibat ledakan teknologi dan menjimatkan kos, faktor kemanusiaan semakin diberi perhatian dalam proses membangunkan perisian.

2.6 Antara Muka Pengguna Komputer (*Human Computer Interface*)

Paparan antara muka multimedia menyepadukan pelbagai media un membantu pengguna menggunakan komputer. Media ini termasuklah teks, grafik, animasi, imej, suara dan muzik. Elemen-elemen ini didapati sangat berkesan meningkatkan minat, tahap ingatan pengguna dan dapat menjimatkan kos.


Reka bentuk produk multimedia memberi penekanan kepada pengguna. Penggunalah yang dapat menentukan sistem sensori manusia yang paling

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

berkesan dalam menerima maklumat tertentu selepas menggunakan media yang melibatkan sistem sensori manusia.

Proses mereka bentuk paparan antara muka pengguna melibatkan pembentukan model konsep aplikasi dan fungsi. Seterusnya ia dijadikan paparan pengguna, yang lazimnya menggunakan satu atau beberapa metafora. Pengguna menterjemahkan paparan antara muka dan membentuk model mentalnya sendiri berdasarkan fungsi (Rajah 2.1).



Rajah 2.1
Model Reka Bentuk Paparan Antara Muka Pengguna
Sumber: J. L. Plass (1998:37)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Paparan antara muka yang dibangunkan oleh pereka bentuk aplikasi dipengaruhi oleh fungsi tertentu perisian. Sewaktu mereka bentuk paparan antara muka, pasukan pereka bentuk Antara Muka Manusia Komputer (atau *HCI*) mesti mempertimbangkan faktor-faktor berkaitan pengguna yang berikut:-

(a) apakah yang diperlukan dan diharapkan oleh pengguna ?,

(b) apakah keupayaan fizikal dan had-had kebolehan yang mereka (pengguna) miliki ?,

(c) bagaimana sistem komputer bekerja ?,

(d) apakah yang mereka (pengguna) dapati menarik dan menggembirakan tatkala mereka (pengguna) menggunakan komputer ?.

Setelah memahami apa yang pengguna mahukan dari sistem, pereka bentuk merujuk kepada pengaturcara atau *programmer.* Pakar program ini seterusnya akan menulis arahan ke dalam bentuk bahasa yang dapat dimengertikan oleh komputer. Semua arahan ini ditulis dalam lingkungan format yang dihadkan serta dengan peruntukan keupayaan persekitaran sistem dan perisian pengarangan (*authoring tool*) yang ada serta sesuai dengan tahap pengguna. Perisian itu seterusnya dicuba oleh pengguna dan pembetulan dibuat agar memudahkan pengguna, efisyen serta digemari pengguna.

Menurut definisi IBM (2001), Interaksi Manusia-Komputer ialah kajian, perancangan dan reka bentuk, apa yang berlaku bila anda dan komputer

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

bekerja bersama-sama. Ia terdiri daripada tiga komponen iaitu pengguna (manusia) komputer dan cara-cara kedua-duanya berinteraksi.

Shneiderman (1998) menyatakan bahawa IMK dapat didefinisikan sebagai satu lapisan perisian yang berkomunikasi secara terus kepada dan berinterkasi dengan pengguna. Ia termasuklah semua mesej, ralat, atau status, interaksi, aliran atau navigasi, perkaitan antara mesej-mesej dan reka bentuk paparan skrin. Reka bentuk paparan antara muka (*interface design*) ialah proses memilih elemen paparan untuk membolehkan perisian itu digunakan sesempurnanya.

2.7 Kerangka Teori

Kerangka teori ialah teori-teori yang digunakan sebagai asas kajian. Dalam kajian ini, di antara teori yang dijadikan dasar ialah Teori Kognitif, Teori Grafik, Teori Paparan Laman Web dan Teori Pembelajaran.

2.7.1 Teori kognitif dalam pembelajaran multimedia

Terdapat tiga (3) andaian dalam teori pembelajaran multimedia dikemukakan oleh Mayer (2001; 41), iaitu, *dual channel*, *limited capacity* dan *active processing*. Sistem pemprosesan maklumat manusia melibatkan proses dwisaluran untuk memproses maklumat visual/gambar dan, maklumat audio/verbal. Setiap komponen mempunyai keupayaan memproses maklumat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

yang terhad dan pembelajaran aktif melibatkan koordinasi proses set-set kognitif.

Terdapat lima langkah dalam proses pembelajaran multimedia iaitu:-

(i) memilih perkataan yang relevan daripada teks dan narasi yang dipaparkan,

(ii) memilih imej yang relevan daripada ilustrasi yang dipaparkan,

(iii) mengorginasasikan imej terpilih kepada representasi visual yang koheren,

(iv) mengintegrasikan persembahan visual dan verbal dengan merujuk kepada pengetahuan sedia ada,

(v) pemprosesan maklumat multimedia dalam bentuk gambar terutamanya melibatkan saluran visual/gambar dan pemprosesan perkataan yang disebutkan berlaku terutamanya dalam saluran audio/verbal, tetapi pemprosesan perkataan bercetak berlaku dalam saluran visual/gambar dan kemudiannya beralih ke saluran audio/verbal.

Terdapat tiga andaian yang mendasari Teori Kognitif Pem Multimedia yang dikemukakan oleh Mayer (2001; 41).

- ***Dual Channel*** - (Manusia memiliki saluran yang berasingan untuk memproses maklumat visual dan audio),

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

- ***Limited capcity*** - (Manusia mempunyai kaupayaan memproses maklumat yang terhad melalui setiap saluran persepsi tersebut pada satu-satu masa),
- ***Active processing*** - (Manusia berupaya untuk memilih maklumat yang relevan, mengorganisasinya ke dalam minda dan mengintigrasikannya ke pengetahuan lain secara aktif).

Menurut beliau, idea *dual-channel* dalam sains kognitif ini berlaku apabila maklumat dipaparkan melalui mata (seperti ilustrasi, animasi, video, atau teks "*on-screen*" manusia mula memproses maklumat dalam saluran visual. Manakala apabila maklumat disampaikan melalui telinga, (seperti naratif, atau non-*verbal sound*) manusia mula memproses maklumat tersebut di dalam saluran auditori. Menurut beliau lagi, teori-teori ini berkait rapat dengan *Dual-Coding Theory* Paivio dan Model *Working Memory* oleh Baddeley.

Dalam konteks andaian bahawa manusia mempunyai keupayaan yang terhad, beliau mengemukakan teori "*Limited-capacity Assumption*". Menurut beliau lagi, apabila sesuatu animasi ditayangkan, manusia mempunyai kemampuan terhad untuk memproses maklumat melalui setiap satu saluran pada sesuatu ketika. Dalam konteks ini had beban kognitif (*cognitive load*) yang mampu ditanggung oleh manusia ialah 8 digit.

Andaian pemprosesan aktif (*Active Processing Assumption*) yang dikemukakan oleh beliau menjelaskan bahawa terdapat lima jenis struktur

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

pengetahuan manusia. Di antara komponen yang dimaksudkan beliau ialah elemen proses *"process"* (menerangkan kitaran sebab dan kesan), elemen perbandingan "*comparison"* (membanding-beza antara dua atau lebih elemen bersama beberapa dimensi, *elemen* menggeneralisasi "g*eneralization"* (menerangkan idea utama dan maklumat sokongan) elemen enumerasi "e*numeration"* (mempersembahkan satu senarai item) dan elemen mengklasifikasi "c*lassification"* (menganalisis domain kepada *set* dan *subset*)

Dalam konteks pembelajaran aktif pula, Mayer (2001) mengaitkan pembelajaran multimedia dengan proses pemilihan, penyusunan dan pengintegrasian (*selecting, organizing and integrating).* Pembelajaran berlaku bila pelajar terbabit dengan lima jenis proses – memilih perkataan (*selecting words*), memilih imej (*selecting images*), menyusun perkataan (*organizing words*), menyusun imej (*organizing images*), dan mengintegrasi (*integrating*) elemen-elemen multimedia.

2.7.2 Teori Tiga Segi Multimedia (Mott, 2001)

Mott (2001), mengemukakan (*Multimedia Triangle)* yang cuba menjelaskan tiga komponen utama multimedia iaitu pemilihan komponen multimedia (*Choosing Multimedia Components),* perletakan komponen multimedia (*Positioning Multimedia Components)* dan komponen navigasi *(Navigational Components).*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Sudut Pertama Segi Tiga (*First Point of the Triangle*)

2.7.2.1 Pemilihan komponen multimedia

Pemilihan komponen multimedia melibatkan andaian keupayaan terhad, yang menyatakan bahawa terlalu banyak data pada sesuatu masa menjadikan limpahan maklumat yang membuatkan pengguna "*shut down*". Oleh itu, kelompokkanlah aliran maklumat. Beri keutamaan kepada komponen yang ada agar mereka boleh membuat keputusan sampai ke tahap mana pengguna hendak menghadkan akses kepada data. Susun maklumat agar mudah diakses dan dinavigasi. Ini kerana pengguna seharusnya menerima maklumat satu per satu pada sesuatu masa dan mereka juga boleh mencari dan berpindah ke input lain sesukanya.

Andaian pemprosesan aktif (*Active Processing Assumption*) Mayer, (2001) pula membenarkan pengguna memilih gambar dan perkataan yang sesuai, menyusun perkataan dan gambar ke dalam bentuk model verbal dan model gambar logik lalu seterusnya menyepadukan kedua-dua model tersebut dengan pengetahuan sedia ada masing-masing.

Untuk menyepadukan elemen yang pelbagai tadi ke dala dokumen multimedia yang komprehensif secara berkesan, teori kognitif dan reka bentuk multimedia dikaitkan pula. Dengan meneliti proses dan hasil pembelajaran dari perspektif pengguna, ahli teori kognitif mengenal pasti tiga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

andaian dan lapan prinsip yang banyak membantu pembangun perisian multimedia menghasilkan dokumen multimedia yang berkesan, bermakna, dan mesra pengguna.

2.7.2.1 (a) Andaian dwi saluran (*Dual Channel Assumption*)

Mayer (2001) menyatakan bahawa pengguna dokumen mempunyai dua kaedah memperoleh data daripada dokumen iaitu melalui saluran visual-gambar (*visual-pictorial channel*) dan saluran auditori-verbal (*auditory-verbal channel*). Pengguna memerlukan dua deria iaitu mata dan telinga untuk mengecam dan memberi fokus.

Lapan prinsip pembelajaran multimedia yang perlu dite membangunkan dokumen multimedia pula ialah:

1. Prinsip multimedia (*Multimedia Principle*)

Prinsip multimedia ini menyatakan bahawa pengguna belajar seca berkesan jika gambar dan perkataan di paparkan secara bersama dan tidak dengan perkataan sahaja. Ini kerana kombinasi perkataan dan gambar membekalkan mesej maklumat yang lebih dalam dan lengkap.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2. Prinsip kontiguiti (*Contiguity Principle*)

Pengguna akan mudah faham sekiranya perka dipaparkan secara serentak (*simultaneously*) dan bukan lepas satu demi satu *(successively*). Pengguna akan mudah faham sekiranya kedua-dua aksi berlaku secara serentak dan bukan dimulai dengan paparan perkataan dan disusuli oleh gambar ataupun sebaliknya.

3. Prinsip Modaliti (*Modality Principle*)

Pengguna akan mudah faham sekiranya perkataan dipaparkan seba narasi dan bukan sebagai teks dalam dokumen multimedia. Sekiranya perkataan dipaparkan sebagai narasi, pengguna akan bergantung kepada telinga masing-masing untuk mendengar perkataan dan mengharapkan mata mereka untuk menganalisis gambar. Pengarang harus ingat kepada *prinsip dwi saluran* (penglihatan dan pendengaran) di samping tidak melupakan andaian *satu rangsangan pada satu-satu masa kepada setiap satu saluran*.

4. Prinsip Perulangan (*Redundancy Principles*).

Prinsip ini berkait rapat dengan prinsip modaliti (*modality principle*) kerana ia menyatakan bahawa pengguna akan lebih mudah memahami dokumen multimedia yang dipersembahkan melalui perkataan sebagai narasi semata berbanding disertai narasi pada skrin paparan. Ini kerana kebanyakan pengguna

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

tidak perlu melihat teks bertulis atas skrin paparan di hadapan mereka. Namun, dalam kebanyakan kes, teks bertulis hanya akan membebankan saluran penglihatan (andaian keupayaan terhad) kerana pengguna sudah sedia menggunakan deria penglihatan untuk melihat gambar yang dijelaskan. Namun pengarang multimedia harus menyediakan teks bernarasi di atas teks skrin paparan (mungkin sebagai pautan/*link*) untuk pengguna yang menghadapi masalah pendengaran.

5. Prinsip Keperibadian (*Personalization Principle*).

Sama seperti prinsip perulangan, prinsip ini berkait secara terus dengan prinsip modaliti kerana ia mencadangkan pengguna belajar dengan lebih berkesan apabila dokumen multimedia yang dibangunkan itu memaparkan perkataan dalam stail konvensional sebagai ganti stail formal. Di samping membaca teks, pengguna hendak mendengar perkataan dinarasi kepada mereka dalam bentuk bebas daripada struktur ayat yang *rigid*.

6. Prinsip Koheren (*Coherence Principle*).

Pengguna belajar lebih berkesan apabila c meniadakan perkataan, bunyi dan gambar yang tidak perlu (*extraneous /non-essential*). Sekiraya perkataan, bunyi dan gambar tidak menambah maklumat yang relevan kepada mesej dokumen, maka elemen ekstraneous hanya akan mengganggu deria input pengguna dan akan menjadikan pengguna sukar untuk memberi tumpuan kepada mesej sebenar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

7. Prinsip Interaktiviti (*Interactivity Principle*)

Pengguna diberi peluang untuk mengawal kadar persembahan da persekitaran multimedia. Ini kerana individu memasuki episod pembelajaran multimedia dengan aras pengalaman yang berbeza. Oleh kerana semua pengguna sedia belajar dengan kadar yang berbeza, pengguna perlu berupaya mempercepat atau melambatkan kadar akses kepada maklumat baru dalam dokumen multimedia tersebut. Ini untuk mengelakkan rasa bosan apabila maklumat yang disajikan itu bukan maklumat baru.

8. Prinsip Semboyan (*Signalling Principle*).

Pengguna belajar secara berkesan apabila dok menghantar langkah demi langkah ke dalam narasi melampaui masa. Apabila bertemu dengan maklumat baru, seseorang pengguna akan kebiasaannya memahami bahawa data lebih berkesan apabila mereka tahu bagaimana ia distruktur dan di mana mereka berada di dalam struktur tersebut. Sekiranya pengguna telah menyudahkan bahagian maklumat dan sekarang sedang bergerak ke bahagian berikutnya, mereka akan mampu memahami fakta dengan lebih baik. Beitulah juga sekiranya pengguna mengetahui bahawa mereka sedang berada di bahagian mana sesuatu perisian itu. Sebagai contoh, sekiranya mereka sedang berada di bahagian satu, maka pengguna tahu yang dia masih ada empat bahagian lagi di dalam dokumen multimedia tersebut untuk diteroka. Oleh itu, mereka akan dapat gambaran secara keseluruhan rangkaian isi dan maklumat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

seterusnya. Pembangun dokumen multimedia boleh menggunakan pelbagai peranti signal seperti ordinal, *header* penerang, perkataan *pointer*, dan lain-lain istilah untuk mengaitkan isi kandungan topik.

Sudut kedua Segi Tiga (*Second Point of the Triangle*).

2.7.2.2 Letakan Komponen Multimedia

Di samping mengetahui komponen mana yang harus dimasukkan, pembangun dokumen multimedia harus juga menentukan di mana hendak diletakkan komponen pilihan itu di atas skrin. Persoalan seperti di mana bar navigasi harus diletakkan, bagaimana hendak menentukan hirarki maklumat dan bagaimana hendak menyusun urutan maklumat di atas skrin. Untuk menghasilkan dokumen yang mesra-pengguna dan berkesan, pembangun dokumen multimedia harus mematuhi tujuh prinsip reka bentuk letakan komponen multimedia di atas skrin iaitu *proximity, alignment, repetition, contrast, white space, balance, dan restraint*.

1. Prinsip proksimiti dalam reka bentuk berkait rapat dengan bagaimana rapat elemen-elemen diletakkan di atas skrin. Di dalam minda pengguna, lebih rapat elemen yang berbeza diletakkan di sisi masing-masing, lebih rapatlah perkaitannya. Dengan kata lain, sekiranya ketiga-tiga elemen di atas skrin serapat dapat, pengguna akan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

menganggap bahawa ketiga-tiga elemen memiliki fungsi yang serupa. Sebaliknya jika ketiga-tiga elemen dipisah-pisahkan, pengguna akan menganggap elemen-elemen tersebut tidak berkaitan di antara satu sama lain dalam rangkaian maklumat tersebut.

2. Prinsip *alignment*

Prinsip *alignment* pula mengaitkan sama ada sesuatu elemen itu berbeza dalam susunan yang seragam. Sekiranya, susunan elemen tidak dikawal, pengguna akan menganggap elemen-elemen tersebut adalah serupa.

3. Prinsip perulangan

Prinsip perulangan sangat penting kerana ia membantu pengguna mengecam dan menyediakan elemen, pola dan fungsi yang seragam.. Kecuali pada skrin pengenalan, pilihan navigasi prima mesti dibina serupa atas setiap muka skrin paparan dalam komponen multimedia tersebut. Saiz fon, muka taip (*typefaces*) dan warna mesti seragam di atas setiap skrin. Latar belakang paparan haruslah tetap dan konsisten pada keseluruhan dokumen. Ini akan menyedarkan pengguna akan wujudnya kesinambungan visual.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4. Prinsip kontras.

Pembangun dokumen multimedia menggunakan prinsip kontras untuk membolehkan pengguna membentuk kefahaman. Prinsip kontras membolehkan pengguna mampu membaca tanpa menghadapi kesukaran dan pengguna akan menggunakan intuitif di mana hendak dilihat dahulu, kedua dan berikutnya di atas setiap skrin paparan. Untuk menjadikan sesuatu dokumen itu bolehbaca, pembangun dokumen multimedia hendaklah mempastikan latar belakang paparan mempunyai kontras yang jelas. Sekiranya grafik latar belakang terlalu sibuk atau mengancam, ia akan bersaing dengan teks dan imej di bahagian depan dan seterusnya akan mengelirukan pengguna. Pengguna akan secara automatik mengecam dan mula melihat elemen yang mempunyai kontras dengan jelas.

5. *White Space*:

Pengguna akan keliru apabila mereka mendapati ada ruang kosong (*white space*) di antara sekumpulan objek. Mereka akan dapat memahami di mana satu kumpulan objek itu berakhir dan permulaan untuk objek seterusnya. Di samping memberikan jarak di antara kumpulan elemen yang mempunyai fungsi yang berbeza, ruang kosong juga memberikan kelegaan visual.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

6. Perseimbangan. (*Balance*).

Elemen di atas skrin paparan termasuklah lukisan, grafik, butang navigasi, blok teks, gambar foto, animasi, klip video, bit audio dan lain-lain elemen tersebar di kanan, di kiri dan di bahagian atas serta di bahagian bawah skrin paparan. Sekiranya terlalu banyak elemen dikumpulkan di suatu bahagian sementara di bahagian lain kelihatan lebih berat dan padat, maka, skrin sukar untuk dibaca dan tidak menarik.

7. Hadkan jumlah elemen.

Sekiranya pembangun dokumen multimedia memasukkan sedikit elemen multimedia dan setiap satunya dipecahkan kepada unit yang lebih kecil, pengguna akan berkeupayaan untuk menterjemah setiap satu elemen yang dipapar pada skrin dalam setiap satu komponen multimedia. Disarankan agar pembangun perisian menghadkan kepada enam elemen multimedia pada skrin permulaan iaitu tiga menu, dua *header* dan satu gambar foto. Ini akan menjadikan skrin itu mudah dipecahkan kepada unit-unit yang lebih kecil serta mudah disusun. Untuk menekankan identiti, pembangun multimedia perlu memilih berdasarkan satu skema warna dan tidak secara rawak Pilihan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

hendaklah dengan bantuan roda warna (*colour wheel*).

Sudut ketiga Segi Tiga (*Third point of the Triangle*)

2.7.2.3 Navigasi Komponen Multimedia.

Perisian yang baik memberitahu pengguna di mana dia berada, ke mana dia boleh pergi, bagaimana dia hendak pergi ke sana, di mana dia telah pergi sebelum ini tadi dan bagaimana dia hendak kembali ke paparan tadi.

1. Mengenal pasti tujuan, audien dan kandungan:

   Proses membangunkan dokumen multimedia bermula dengan menentukan objektif dokumen multimedia tersebut. Dokumen hendaklah dibina berdasarkan keinginan dan aliran pemikiran pengguna sasaran. Pastikan pengguna diberi peluang menguji dokumen cadangan tersebut. Pembangun hendaklah menentukan data, idea, konsep, cebisan maklumat yang akan diliputi, secara umum dan meninjau secara teliti aspek-aspek berkaitan blok teks, grafik, foto, suara, klip video dan urutan animasi yang akan dimasukkan ke dalam dokumen.

2. Organisasi kandungan.

   Sekiranya pembangun mengelompokkan elemen di bawah satu kategori, pengguna akan memahami keseluruhan susunan dengan lebih jelas. Banyak pengkaji mencadangkan antara enam hingga lapan kategori

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

secara optimum dan sekiranya lebih, elemen itu akan menjejaskan keupayaan ingatan terhad pengguna.

3. Menghasilkan signal navigasi yang tekal *(perisistent)*:

Pembangun multimedia perlu membentuk komponen navigasi yang dapat memandu pengguna mengatur strategi capaian (Williams, 1999). Untuk membentuk perulangan visual dan fungsi, format dokumen haruslah dapat membantu pengguna mengenal pasti maklumat baru dan pengguna boleh meramal lokasi maklumat yang dicari itu di dalam organisasi sistem secara konsisten pada bila-bila masa diperlukan. Komponen navigasi yang tekal (*persistant)* ialah seperti butang navigasi, menu *pop-up*, *header*, fungsi carian dan peta laman.

2.8 Kajian terhadap prinsip multimedia

Menurut Mayer (2001) media sahaja meninggalkan kesan yang sedikit atau langsung tiada ke atas pembelajaran. Beliau mendapati tidak terdapat perbezaan yang jelas antara penerangan yang disampaikan melalui animasi berbanding penerangan menggunakan ilustrasi. Begitu juga dengan kesan *tone* audio dan kemunculan paparan teks sebagai narasi pada skrin. Kajian-kajian di atas membuktikan bahawa pembelajaran multimedia lebih banyak bergantung kepada kualiti mesej instruksional berbanding medium yang digunakan.

Mayer (2001) juga menegaskan bahawa kesan media tidak mungkin dapat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

dipisahkan daripada kesan kaedah. Pernyataan ini menunjukkan bahawa kaedah penyampaian lebih memberi impak kepada kesan media penyampaian. Untuk menguji teori inilah, maka pengkaji menjalankan kajian keberkesanan kaedah penyampaian maklumat menggunakan perisian multimedia berbanding kaedah taklimat (tradisional).

Kajian Mayer (2001) juga mendapati ingatan yang lebih ba terhasil apabila perkataan dan gambar dipaparkan (*narrated animation*) secara serentak berbanding perkataan sahaja (*text only*). Kajian beliau mendapati pemindahan pembelajaran akan berlaku dengan lebih baik apabila perkataan dan gambar dipaparkan serentak berbanding perkataan sahaja. Oleh itu, mengintegrasikan ilustrasi dan teks atau menambah animasi kepada naratif akan membantu pelajar untuk lebih memahami penerangan yang dipersembahkan. Dengan kata lain, penyampaian penerangan dengan perkataan beserta gambar menghasilkan kesan pembelajaran (*transfer of learning*) yang lebih baik berbanding persembahan perkataan semata. Penemuan kajian ini membuktikan kerelevanan teori beban kognitif yang diutarakan oleh Mayer (2001). Prinsip kontiguiti separa (*Spatial Contiguity Principle)* membuktikan bahawa kesan ingatan *(transfer of learning)* akan lebih baik apabila perkataan dan gambar dipersembahkan berdekatan berbanding jauh antara satu sama lain.

Kajian ke atas kesan pemindahan pembelajaran (lupaan dan ingatan) juga mendapati pemindahan (*transfer)* yang lebih baik berlaku apabila perkataan dan gambar dipersembahkan berhampiran berbanding berjauhan antara satu sama

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

lain (Mayer 2001). Kajian beliau seterusnya membuktikan pengekalan ingatan akan menjadi yang lebih baik apabila perkataan dan gambar dipaparkan secara serentak dan bersama-sama. Prinsip ini dinamakan "*Temporal Contiguity Principle"* .

Pemindahan pembelajaran (*transfer of learning*) akan menjadi lebih baik apabila perkataan dan gambar dipaparkan secara serentak berbanding dipaparkan secara berturutan. Sekiranya animasi dan naratif dipisahkan dalam jangka masa lebih daripada beberapa saat, pelajar akan menunjukkan prestasi yang lebih lemah dalam pemindahan pembelajaran (*transfer of learning*) penyelesaian masalah berbanding jika perkataan dan gambar dipaparkan secara bersama-sama dan serentak. Kesimpulan dari kajian Mayer (2001) ialah:-

(1) keupayaan dwi-saluran "*dual channel"* manusia dengan menyediakan naratif kepada telinga dan animasi kepada mata;

(2) keupayaan terhad kepada setiap saluran untuk tidak perlu menggarap terlalu banyak bahan dalam mana-mana saluran, dan;

(3) keperluan untuk pemprosesan kognitif dengan menggalakkan pelajar membuat perkaitan di antara paparan visual dan persembahan verbal.

Seterusnya Mayer (2001) mengemukakan satu lagi prinsip kognitif dalam paparan antara muka multimedia iaitu prinsip kesepaduan "*Coherence principle"*. Menurut beliau "*...students learn better when extraneous material is excluded rather than included*" (hal.118).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Beliau menghuraikan bahawa terdapat tiga jenis bahan ekstranus "*extraneous material"* iaitu:

Jenis 1:

Pembelajaran pelajar akan terganggu apabila perkataan dan gambar yang menarik (*interesting)* tetapi tidak berkaitan (*irrelevan*) diselitkan di dalam persembahan multimedia tersebut. Oleh itu, untuk menghasilkan pengekalan ingatan yang lebih baik, maka perincian yang menarik tetapi tidak berkaitan hendaklah ditiadakan. Kajian beliau juga membuktikan bahawa pemindahan pembelajaran (*transfer of learning*) akan menjadi lebih baik apabila perincian yang menarik tetapi tidak berkaitan ditiadakan.

Jenis 2:

Pembelajaran pelajar akan terganggu apabila bunyi dan muzik yang menarik (*interesting*) tetapi tidak berkaitan (*irrelevant*) diselitkan di dalam persembahan multimedia tersebut. Oleh itu untuk menghasilkan pengekalan ingatan yang lebih, maka bunyi dan muzik yang menarik (*interesting)* tetapi tidak berkaitan (*irrelevant*) hendaklah ditiadakan. Kajian beliau juga membuktikan bahawa pemindahan pembelajaran (*transfer of learning*) akan menjadi lebih baik apabila bunyi dan muzik yang menarik (*interesting*) tetapi tidak berkaitan (*irrelevant*) ditiadakan.

Jenis 3:

Pembelajaran pelajar akan meningkat naik/berkesan apabila perkataan yang tidak berkaitan (*unneeded*) dihapuskan daripada persembahan multimedia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Oleh itu, untuk menghasilkan pengekalan ingatan *(transfer of learning*) yang setara atau lebih baik, maka, teks yang tidak perlu (*nonessential*) hendaklah ditiadakan. Kajian beliau ini juga membuktikan bahawa pemindahan pembelajaran (*transfer of learning*) akan menjadi setara atau lebih baik sekiranya teks yang tidak perlu *(nonessential*) ditiadakan.

Dalam konteks kajian ini, bahan *ekstraneous* akan bersaing dengan sumber kognitif dalam ingatan bekerja pelajar. Fenomena ini boleh memesongkan tumpuan pelajar daripada bahan fokus kerana ia boleh mengganggu proses kognitif pengorganisasian bahan, dan akan menyebabkan pelajar mencampur adukkan tema dan fakta.

Prinsip modaliti (*Modality Principle*) Mayer (2001) menyatakan bahawa pembelajaran akan lebih bermakna melalui rangsangan animasi dan naratif berbanding daripada rangsangan paparan animasi berteks. Dengan kata lain, pelajar akan faham dengan lebih jelas sekiranya perkataan dalam mesej multimedia dipaparkan dalam bentuk audio/sebutan berbanding paparan teks semata.

Pada masa gambar dan perkataan dipaparkan secara visual (sama seperti animasi dan teks), saluran visual/gambar boleh menjadi tepu, tetapi saluran auditori/verbal tidak digunakan langsung. Apabila perkataan dipaparkan secara auditori, ia akan diproses di dalam saluran auditori/verbal manakala saluran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

visual/gambar hanya memproses gambar sahaja.

Oleh itu, apabila membangunkan paparan skrin multimedia yang mengandungi animasi dan perkataan, paparan perkataan dalam bentuk naratif (*narration*) adalah lebih berkesan berbanding paparan skrin dalam bentuk teks semata.

Prinsip perulangan (*Redundancy Principle*) Mayer (2001) membuktikan bahawa pembelajaran akan berlaku dengan lebih baik apabila animasi dan naratif (*narration*) serta teks disepadukan serentak. Apabila gambar dan perkataan dipaparkan secara visual (sama seperti saluran animasi dan teks) saluran visual akan menjadi tepu.

Selain itu, konsep fleksibiliti juga dianalisis. Konsep ini berkaitan dengan aspek kesenangan dan takat mana pengguna dapat menyesuaikan diri untuk berinteraksi dengan sistem yang baru bagi mereka dalam usaha menambahkan pengalaman atau pengetahuan baru. Konsep terakhir yang perlu dianalisis menurut Jamalludin Harun *et al*. (2001) ialah sikap. Ia meliputi aspek penilaian pengguna terhadap aplikasi tersebut.

Beliau menyatakan lagi bahawa nilai keberkesanan sesuatu perisian itu dipertingkatkan sekiranya ia (perisian itu) dilihat sebagai mampu melaksanakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

tugasnya. Sekiranya pengguna dapat melihat persisian itu mudah diguna, mudah dipelajari, membantu, dan mempunyai paparan yang menarik, maka perisian itu dianggap melepasi ujian penerimaan.

Pada masa gambar dan perkataan dipaparkan secara visual (sama sepert animasi dan teks), saluran visual/ gambar boleh menjadi tepu tetapi saluran auditori/verbal tidak digunakan langsung. Apabila perkataan dipaparkan secara auditori, ia akan diproses di dalam saluran auditori/verbal manakala saluran visual/gambar hanya memproses gambar sahaja (Jamalludin Harun, 2000).

Bertolak dari kesedaran di atas, maka Shneiderman (1998) pula mengingatkan agar pembangun perisian menimbangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan tiga perkara berikut sewaktu mereka bentuk paparan antara muka perisian, iaitu:-

(i) tugasan sebenar – apa yang harus dibuat,

(ii) alat yang digunakan – sistem komputer, dan

(iii) persekitaran interaksi manusia komputer.

Ketiga-tiga faktor di atas tadi bersama pengguna, menjadikannya empat elemen asas kebolehgunaan dalam interaksi manusia-komputer dari perspektif mudah guna dan keberkesanan perisian itu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kesimpulannya, kebolehgunaan dan kepuasan pengguna adalah jambatan yang merapatkan jurang antara manusia dengan mesen. Paparan antara muka merujuk kepada komponen dalam sistem komputer (perisian dan perkakasan) yang membolehkan komunikasi antara manusia dengannya. Ini termasuklah peranti input yang membolehkan unsur visual, audio, deria sentuh dan saluran minda berinteraksi. Kejuruteraan kebolehgunaan meneliti elemen-elemen ini dalam interaksi dengan pengalaman pengguna.

2.9 Kajian tentang Reka Bentuk Antara Muka (*layout*).

Pengalaman yang dilalui oleh individu sewaktu menggunakan sesuatu perisian itu akan memberi kesan ke atas penilaiannya terhadap perisian-perisian berikutnya. Respons pengguna terhadap sesuatu perisian itu pula mempunyai kaitan dengan format reka bentuk dan reka letak atau *layout* elemen-elemen yang dipaparkan.

Multimedia adalah teknologi maklumat terkini yang me integrasi dan manipulasi video, audio, teks, grafik dan animasi. Multimedia berasaskan komputer boleh menjadikan proses pendidikan menjadi suatu pengalaman yang menyeronokkan dan menarik di samping membantu pelajar memahami sesuatu konsep dengan cepat dan mudah (Rozinah Jamalludin, 2000).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Shneiderman (1998) mendapati interaksi di antara elemen-ele animasi, audio, teks dan gambar di dalam sesuatu perisian banyak menghasilkan penemua baru dalam dunia kejuruteraan perisian multimedia. Maklumat dalam bentuk gambar akan lebih mudah diingati berbanding teks. Kajian beliau juga mendapati maklumat dalam format gambar berserta suara akan lebih mudah diingati. Selain itu, terdapat lima aspek multimedia lagi yang perlu diteliti dalam menentukan reka bentuk visual sesuatu paparan perisian multimedia, iaitu grafik dan gambar, animasi, video, audio dan masa tindak balas.

Kajian tentang ilustrasi yang statik dan dinamik di dalam komponen teks sesuatu perisian multimedia menghasilkan semakin banyak penemuan baru dalam dunia paparan grafik multimedia. Ilustrasi statik dapat membantu pemerolehan pengetahuan apabila ia dipersembahkan melalui bahan teks. Namun, kesan ilustrasi sebagai pemangkin tidak dapat dilihat dengan jelas dalam semua situasi pembelajaran.

Kajian Shneiderman, (1998: 207) tentang visual berilustrasi mendapati bahawa:

(i) visual berilustrasi dalam konteks belajar membaca tidak berapa membantu,

(ii) visual berilustrasi yang mengandungi maklumat berulang dalam bentuk teks boleh membantu pembelajaran,

(iii) visual tidak berilustrasi yang mengandungi maklumat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

berulang dalam bentuk teks tidak membantu mahupun menghalang pembelajaran,

(iv) pembolehubah visual seperti saiz, lokasi, stail, warna dan tahap realiti gambar mempunyai kesan perhatian yang jelas tetapi tidak membantu secara langsung proses belajar, dan

(v) terdapat hubungan yang linear antara tahap realisma dalam ilustrasi dengan kemampuan proses pembelajaran.

Kajian Mayer (2001; 187) tentang animasi dalam bahan instruksi pula mendapati bahawa:

(i) animasi (pergerakan) memberi kesan positif kepada proses belajar yang kritikal terhadap konsep yang diperkenalkan,

(ii) animasi (pergerakan) membantu proses pembelajaran tugasan berbentuk prosedur yang kompleks,

(ii) pergerakan atau aksi bertujuan menampakkan realiti persembahan tidak menampakkan kesan yang jelas terhadap pembelajaran.

Seterusnya, Mayer (2001; 128) mencadangkan penggunaan video seharusnya terhad kepada alasan-alasan berikut sahaja iaitu:-

(i) mempromosikan pertunjukan TV,

(ii) memberikan pengguna kesan personaliti penyampai maklumat, dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

(iii) menunjukcara aksi yang mempamerkan pergerakan sebenar.

Seterusnya beliau mencadangkan agar pembangun perisian memberitahu maklumat atau catatan tentang saiz fail video yang disediakaan untuk makluman pengguna.

Mayer (2001) menyatakan fungsi audio dan video ialah menyediakan saluran berasingan dari apa yang terpapar. Perbualan dapat memberikan ruang bantuan ulasan maklumat kepada visual yang terpapar pada skrin. Bellian seterusnya menyatakan bahawa pengguna akan bersedia untuk menerima video yang kurang menarik tetapi akan enggan berkompromi dengan audio yang lemah.

Oleh itu, perhatian perlu diberikan agar tidak membebankan pengguna dengan limpahan saingan antara maklumat visual dengan maklumat audio. Pengguna tidak mampu untuk membaca teks dan mendengar ujaran audio sekaligus kerana otak mereka tidak mampu untuk memproses signal yang bersaing tanpa menyingkirkan salah satu daripadanya.

Shneiderman (1998) pula menyatakan had masa paling minimum untuk sesuatu perisian itu bertindak balas terhadap sesuatu arahan ialah tidak lebih daripada sepuluh saat. Bagi mewajarkan pengguna untuk sanggup menunggu tindak balas di samping mampu mengekalkan perhatian, para pembangun perisian sepatutnya memberikan perhatian kepada tempoh masa minimum daya


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

tumpuan dan had upaya kesanggupan menunggu manusia.

Seterusnya, beliau juga menjelaskan bahawa untuk meminimumkan saiz paparan, saiz grafik seharusnya seminimum yang boleh dan kesan multimedia hanya perlu diselitkan sekiranya sangat perlu untuk meningkatkan kefahaman maklumat pengguna.

Sebagai kesimpulanpaparan antara muka pengguna dihuraikan sebagai sebahagian daripada aplikasi dalam pemindahan komunikasi dengan pengguna. Paparan antara muka menterjemahkan fungsi aplikasi komputer kepada pengguna, yang kemudiannya menterjemahkan input pengguna kepada format mesin (Rajah 2.3).



Rajah 2.3
Kerangka Model Antara muka Pangguna
J. L. Plass (1998:36)

Fungsi subsistem paparan antara muka (*interface subsystem*) ialah untuk menugaskan input pengguna kepada perwakilan luaran dan dalaman aplikasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

kepada output yang dapat dimengertikan oleh pengguna. Mod jenis input dan output yang digunakan oleh subsistem akan menentukan jenis paparan antara muka sesuatu perisian. Sebagai contoh, sistem berasaskan teks menggunakan hanya mod komunikasi bertulis sementara manipulasi terus sistem membenarkan pengguna memanipulasi objek visual, verbal dan perwakilan deria dengan sistem.

2.10 Kajian Keberkesanan Perisian

Sesuatu perisian itu mungkin tidak lagi diperlukan akibat penemuan baru dalam perkaedahan atau proses pengurusan. Kemungkinan juga sesuatu item tidak lagi diperlukan dalam kaedah pengurusan semasa atau sistem sudah tidak mampu lagi menampung beban data yang semakin bertambah. Dalam banyak keadaan, perubahan dalam teknologi menyebabkan perisian tidak lagi dapat digunakan dalam persekitaran sistem operasi semasa.

Namun, sesuatu perisian itu harus dibangunkan seberapa segera agar dapat menyelesaikan masalah masa kini dan dalam usaha membangunkannya, tentu banyak aspek yang harus diteliti. Bermula dengan kajian keperluan, mendefinisikan objektif, mencipta prototaip, menguji, melancarkan kepada pengguna dan diakhiri dengan membuat kajian keperluan. Fasa-fasa berikutnya merupakan proses yang berterusan.

Pada peringkat membangunkan prototaip, banyak aspek yang perlu diberi perhatian. Untuk menghasilkan perisian yang benar-benar memenuhi keperluan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

pengguna, banyak hasil kajian berkaitan reka bentuk paparan antara muka dan aspek interaksi manusia-komputer perlu dipertimbangkan. Seterusnya, alat untuk menguji respons pengguna terhadap keberkesanan perisian juga perlu dipilih agar hasilnya tegar dan dapat dipertanggungjawabkan.

Di antara alat yang digunakan dalam menganalisis respons pengguna terhadap sesuatu perisian ialah QUIS (*Questionaires for User Interfaces*). Sesuatu perisian itu perlu dinilai untuk tujuan merapatkan jurang di antara perisian dengan manusia pengguna.

2.11 Kajian Keberkesanan Penggunaan (*Usability*)

Salah satu cara untuk meningkatkan kebolehgunaan teknologi ialah dengan membuat penilaian reka bentuk sebelum ianya dipasarkan. Penilaian kebolehgunaan "*Usability evaluation methods (UEMs*)" digunapakai dalam prosedur pembangunan projek perisian. Di antara objektif kajian penilaian kebolehgunaan perisian ini ialah untuk mengenal pasti dan membetulkan masalah interaksi antara manusia dengan komputer.

Tujuan utama kita perlu membuat penilaian keberkesanan penggunaa (*usability test*) sebelum dipasarkan ialah untuk mengenal pasti masalah dalam interaksi antara manusia dengan sistem dan memperbaikinya. Terdapat dua cara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

membuat penilaian kebolehgunaan perisian iaitu Ujian Kebolehgunaan atau *Usability Test* dan *Cognitive Walkthrough*.

Ujian kebolehgunaan (*usability test*) membolehkan penilai mengesan masalah-masalah berdasarkan pemerhatian ke atas interaksi pengguna dengan prototaip sistem yang dibangunkan. Ujian kebolehgunaan telah diterima menjadi salah satu kaedah pengukuran yang piawai dalam membuat penilaian kebolehgunaan.

Sementara itu, *Cognitive Walkthrough* (CW) adalah berdasarkan teori kognitif yang memungkinkan penilaian simulasi dibuat. Objektifnya ialah untuk memperbaiki kebolehgunaan sistem yang dibangunkan.

Kajian lanjut dalam konteks kebolehgunaan menemukan tiga masalah utama iaitu:

(i) mereka tidak pasti mengapakah sesetengah perisian dikesan mengandungi banyak masalah dan apakah yang paling wajar dilakukan untuk menangani masalah tersebut ?,

(ii) dalam semua kajian perbandingan, penggunaan alat *UEM* yang berbeza-beza menghasilkan dapatan yang berbeza-beza juga. Dalam hal ini, sukar untuk menentukan *UEM* yang mana satukah paling sesuai dengan jenis perisian tertentu ?,

(iii) dapatan ujian kebolehgunaan adalah bergantung kepada individu penguji.

Aspek-aspek kebolehgunaan perisian yang dinilai melalui kaedah *CW* ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

dikelaskan kepada lima seperti berikut:

(i) Daya penarik – (a*ttractiveness)* – sejauh mana pengguna suka kepada paparan, sama ada ia senang digunakan atau sebaliknya,

(ii) Kawalan – (*control)* – sejauh mana pengguna merasakan mereka dapat "mengawal" navigasi. Sama ada perisian itu membenarkan navigasi dengan lancar dan pengguna "diberitahu" apa yang sedang mereka lakukan,

(iii) Kecekapan (*efficiency)* sejauh mana pengguna merasakan mereka berjaya memperoleh maklumat yang dicari seberapa cepat yang boleh.

(iv) Bantuan (*helpfulness)* – sejauh mana pengguna merasakan paparan membolehkan mereka menyelesaikan masalah dengan menavigasi maklumat yang disediakan di dalam paparan, dan

(v) Kebolehbelajaran (*learnability)* – sejauh mana pengguna akan berasa selesa menggunakan perisian tersebut pada kali pertama dan akan terus menerokanya dengan lancar.

Mayer (2001) mencatatkan bahawa kajian di Belanda pada tahun 1998 mendapati terdapat korelasi (r = 0.42) di antara kepuasan pengguna dengan prestasi sistem maklumat. Kajian ini mendapati kepuasan merupakan salah satu aspek komponen sikap.

2.12 Kesimpulan

Kajian literatur ini telah menghuraikan konsep multimedia dalam pendidikan Konsep-konsep yang dinyatakan adalah berkait secara langsung dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

penggunaan komputer dalam pendidikan. Terlalu banyak teori yang mendasari kaedah pembangunan perisian komputer. Di antara aspek-aspek yang menjadi tumpuan kajian ialah bagaimana manusia membuat persepsi terhadap paparan antara muka komputer (*user interface*), aspek letakan (*positioning*) imenj-imej di paparan, ciri-ciri grafik, animasi, video, audio, teks dan lain-lain format visual.

Terdapat juga kajian tentang keupayaan sistem berinteraksi arahan kekunci dan tetikus. Diulas juga bagaimana tempoh gerak balas sistem memberi impak kepada arahan di samping format kandungan bahan serta maklumat yang disediakan di dalam perisian. Namun kajian tempatan sangat sedikit dan dalam sesetengah aspek tiada langsung. Diharapkan kajian ini dapat mengesan bidang dan aspek-aspek yang perlu diteliti lagi dengan lebih mendalam oleh pengkaji perisian dari perspektif tempatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB 3

PERKAEDAHAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan aspek-aspek yang berkaitan strategi pelaksanaan kajian. Reka bentuk kajian akan menentukan pendekatan kajian yang akan dijalankan. Seterusnya akan dijelaskan prosedur pemilihan sampel dan lokasi kajian. Bab ini juga akan menghuraikan alat atau instrumen yang digunakan dalam kajian. Aspek-aspek yang berkaitan item soal selidik akan diperincikan untuk menjelaskan bagaimana soal selidik dapat digunakan untuk mengumpul data yang diperlukan oleh kajian. Bahagian akhir bab ini akan menjelaskan aspek berkaitan prosedur dan teknik pengumpulan data. Bab ini diakhiri dengan menjelaskan kaedah menganalisis data.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.2 Reka Bentuk

Reka bentuk sesuatu penyelidikan adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. (Mohd. Majid Konting, 1990). Khususnya, reka bentuk sesuatu penyelidikan membincangkan bagaimana untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Reka bentuk merupakan keseluruhan rangka projek penyelidikan yang menyatakan apakah corak jenis kajian yang hendak dilaksanakan, jenis maklumat yang perlu dikumpul, daripada mana sumber maklumat boleh didapati dan dengan kaedah apa maklumat boleh diperolehi.

Kajian yang dijalankan adalah merupakan kajian yang bersifat diskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini menggunakan reka bentuk bukan eksperimental (Chua, 2006). Kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan (*survey method*) untuk meninjau keberkesanan sesuatu produk atau rancangan. Kaedah soal selidik dipilih bagi mendapatkan data. Chua (2006) menyenaraikan tiga kekuatan kaedah ini. Pertama, dapat melibatkan responden yang ramai. Kedua, membolehkan penyelidik membuat kajian hubungan dan perbandingan dengan hasil kajian kepada populasi yang lebih besar dan ketiga, dapat menghasilkan fakta dan maklumat yang boleh di "*cross-tabulate*" dalam pelbagai kaedah statistik bagi mempelbagaikan dapatan sesuatu kajian.

Bahan yang digunakan dalam kajian ini ialah suatu prototaip p yang dinamakan *Perisian Multimedia Info GERKO*. Perisian prototaip ini dibangunkan sendiri oleh penyelidik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.3 Populasi dan sampel

Populasi kajian ini ialah terdiri daripada 439 guru-guru pelatih kursus asas perguruan iaitu Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) tahun akhir (Ambilan Mei 2001) di tiga buah maktab/institut perguruan Malaysia. Guru pelatih tahun tiga ini dipilih menjadi sampel kerana mereka telah pun ditempatkan di dalam unit-unit aktiviti kokurikulum sejak di Tahun Satu (2001) dahulu lagi. Pengalaman selama dua tahun lebih bergiat dalam aktiviti GERKO unit beruniform diharap dapat menjawab persoalan kajian.

3.3.1 Populasi

Jumlah guru pelatih (berdasarkan opsyen terpilih) ambilan Mei/Jun 2001 yang lalu berdasarkan institut/maktab perguruan sampel ialah seramai 439 orang dari tiga buah maktab/institut perguruan seperti di Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Populasi Guru Pelatih

NAMA MAKTAB/INSTITUT	N	%
Matktab Perguruan Perlis (MPP)	114	25.9
Maktab Perguruan Tuanku Bainun (MPTB)	162	36.9
Maktab Perguruan Ipoh Perak (MPIP)	163	37.1
JUMLAH	**439**	**100**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.3.2 Sampel

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah*purposive sampling.* Melalui kaedah ini, pemilihan sampel sasaran adalah ditentukan sendiri oleh penyelidik. Wiersma (2000) menyatakan bahawa *puposive sampling* adalah persampelan " ... *nonrandom manner, based on member characteristics relevant to the research problem " (p. 459).*

Penyelidik telah memilih tiga buah maktab/institut perguruan di zon utara semenanjung Malaysia kerana ketiga-tiga buah maktab/institut tersebut mudah diakses penyelidik. Ketiga-tiganya dapat dihubungi dengan segera sekiranya penyelidik perlu membuat lawatan susulan untuk melengkapkan data kajian.

Jumlah sampel kajian ini ditentukan dengan menggunakan Jadual Penentuan Saiz Sampel (Chua, 2006) iaitu 440 populasi memerlukan sekurang-kurangnya 205 sampel. Untuk kajian ini, penyelidik telah menentukan bahawa seramai 238 guru pelatih dijadikan sampel. Jumlah sampel mengikut maktab/institut adalah 78 (32.77%) dari MPP, 79 (33.19%) dari MPTB, 81 (34.03%) guru pelatih dari MPIP (Jadual 3.2).

3.3.2.5 **Komposisi unit beruniform berdasarkan maktab/institut**

Perincian keahlian unit beruniform berdasarkan maktab/institut

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

perguruan (Jadual 3.2) MPP diwakili oleh seramai 78 ahli pasukan unit beruniform yang terdiri daripada 12 ahli PPIM, 10 ahli PPPM, 22 ahli PGKP, 20 orang ahli PBSM dan 14 ahli SJAM.

MPTB pula diwakili oleh seramai 79 ahli pasukan unit beruniform yang terdiri daripada 9 ahli PPIM, 14 ahli PPPM, 25 ahli PGKP, 20 ahli PBSM, dan 11 ahli SJAM.

MPIP pula diwakili oleh seramai 81 ahli pasukan unit beruniform yang terdiri daripada 10 ahli PPIM, 14 ahli PPPM, 36 ahli PGKP dan 21 ahli PBSM. Tiada wakil PPM dari MPIP.

Jadual 3.2

Sampel berdasarkan maktab dan jenis unit beruniform yang dianggotai

Nama Unit Beruniform	MPP		MPTB		MPIP	
	N	%	N	%	N	%
PPIM	12	15.4	9	11.9	10	12.4
PPPM	10	12.8	14	17.7	14	17.3
PGKP	22	28.2	25	31.7	36	44.4
PBSM	20	25.6	20	25.3	21	25.9
SJAM	14	18.0	11	13.9	-	-
Jumlah	**78**	**32.8**	**79**	**33.2**	**81**	**34.0**

3.4 Tempat kajian

Kegiatan kokurikulum unit beruniform menjadi komponen wajib di kesemua 27

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

buah institut/maktab perguruan di negara ini (Lihat Lampiran A). Kajian ditentukan di tiga buah (3) institut/maktab perguruan di zon utara semenanjung dijadikan sampel iaitu di MPP, MPTB, dan MPIP.

3. 5 Prosedur

Kejayaan sesuatu kajian memerlukan perancangan yang teliti. Semua aktiviti hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur yang telah digariskan dan mesti mengikut jadual yang telah ditetapkan. Maju jayanya sesuatu aktiviti banyak bergantung kepada perancangan awal. Penyelidik menggunakan tujuh (7) langkah untuk menjalankan penyelidikan iaitu menentukan instrumen atau alat kajian, menentukan tempat dan subjek kajian, membuat kajian tentang bentuk perisian yang akan dibangunkan, membina prototaip perisian, mengadakan kajian rintis untuk menguji prototaip dan seterusnya menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumentasi, mentadbir instrumentasi, memproses dan menganalisis data serta menulis laporan penyelidikan.

3.6 Perancangan Projek

Projek dimulakan pada Julai 2003 dan tamat pada Disember 2003. Pada peringkat awal, penyelidik mengenal pasti masalah yang hendak dikaji. Untuk tujuan ini, penyelidik telah membuat kajian lapangan dengan melawat dan berbincang dengan rakan-rakan pensyarah di unit Hal Ehwal Pelajar MPIP. Beberapa orang guru pelatih dari kelima-lima unit beruniform juga telah di temu bual.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Penyelidik *melakukan* penilaian. Seterusnya mengumpul maklumat berkaitan setiap unit beruniform daripada pensyarah penasihat unit-unit berkenaan. (Lampiran B). Untuk melaksanakan projek ini, penyelidik menggariskan prosedur kerja (Jadual 3.3).

Jadual 3.3
Prosedur Kerja Kajian

Bil	Peringkat	Aktiviti	Catatan
1	Mengenal Pasti Kehendak Pengguna	1.1 Menentukan keperluan 1.2 Mereka bentuk keperluan 1.3 Mengemas kini Plan Projek 1.4 Diokumentasi Aliran Maklumat 1.5 Dokumentasi Keperluan Data/Maklumat 1.6 Dokumentasi Paparan Antara muka Pengguna (*User interface)* 1.7 Mengulangkaji dan Menghalusi Kerja Projek 1.8 Mengemaskini Plan Projek	Mei 2003
2	Bina satu prototaip - Reka bentuk Fizikal (*Physical Design*)	2.1 Pemilihan Teknologi 2.2 Reka bentuk Folder, File, Data dan Maklumat 2.3 Reka bentuk Program 2.4 Pembentukan Program 2.5 Perancangan Instalasi 2.6 Menilai Semula dan Menghalusi Kerja Projek 2.7 Kemaskini Plan Projek 2.8 Mengulangkaji dan Menilai Semula Fasa Reka bentuk Fizikal (*Review Physical Design Phase*) • Menghalusi Progres kerja (*Review work done to date*)	Mei 2003
	Pengujinan Prototaip 1		Jun 2003
3	Pengubahsuaian Prototaip 1 Dan Pembangunan Prototaip 2	3.1 Menilai Semula dan Menghalusi Kerja Projek (*Refine Business Case*) 3.2 Kemaskini Plan Projek 3.3 Mengulangkaji dan Menilai Semula Fasa Reka bentuk Fizikal (*Review Physical Design Phase*) • Menghalusi Progres kerja (*Review work done to date*)	Jun 2003
	Pengujian Prototaip 2	3.4 Instalasi 3.5 Menunjuk ajar 3.6 Ujian Penerimaan Pengguna 2 3.7 Pengujian Prototaip 2 di lapangan • Penilaian Personal • Mengesan Kejayaan Projek bersama Pengurusan 3.8 Instalasi Akhir	Julai 2003
4	Penggunaan Prototaip di lapangan (kajian)	4.1 Menjalankan kajian	Ogs 2003
	Laporan Projek	4.2 Dokumentasi Kertas Projek 4.3 Penyeliaan Perisian Projek 4.4 Pembentangan Projek kepada penyelia projek (UPSI)	Okt 2003

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.7 Instrumentasi

Instrumentasi atau alat dalam kajian ini berupa satu set soal selidik yang di bina dan diubahsuai daripada soal selidik QUIS (Perlman, 1977) dan Jamaludin Mohaidin (1996).

Soal selidik QUIS ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan disahkan ketepatannya oleh tiga orang pensyarah pakar Bahasa Malaysia di MPIP. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian 1, untuk mengumpul maklumat latar belakang responden, Bahagian 2 untuk mendapatkan penilaian responden terhadap perisian prototaip yang dibangunkan manakala Bahagian 3 untuk mendapatkan penilaian responden terhadap keupayaan penyampaian maklumat kokurikulum unit beruniform dengan *Perisian Multimedia Info GERKO* dan kaedah taklimat (tradisional).

3.7.1 Soal selidik

Soal selidik mengandungi 50 item yang terbahagi kepada enam (6) bahagian iaitu Bahagian 1a: Maklumat Am berkaitan latar belakang demografi responden, Bahagian 2a: dimensi Isi Kandungan, Bahagian 2b: dimensi Ciri-ciri Mudah Guna, Bahagian 2c: dimensi Ciri-ciri Multimedia, Bahagian 2d: dimensi Ciri-ciri Paparan Maklumat, dan Bahagian 3a: Perbandingan antara dua kaedah penyampaian maklumat GERKO unit beruniform (Lampiran C).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
